

20/09/1999

Perasmian Istana Budaya meriah

Jamudin Idris

ISTANA Budaya yang setaraf dengan panggung Royal Albert Hall di London dan menjadi tempat berlangsungnya pelbagai aktiviti kesenian bertaraf antarabangsa dirasmikan dalam suasana warna-warni tetapi dengan adat budaya Melayu.

Ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merasmikannya pada 15 September lalu diiringi pembawa dua tepak sirih dan satu sirih junjung, 14 pahlawan menyandang tombak mengiringi 12 pembawa bunga emas serta bunyian dari gendang, serunai dan nafiri.

Sebelum itu Perdana Menteri dibawa dengan kereta kuda diiringi 14 pahlawan berkuda berpakaian tradisi manakala pahlawan lain barbaris di tepi jalan.

Selepas turun dari kereta kuda, Dr Mahathir disambut pasukan gendang Cina, gendang India serta rebana ubi. Sekumpulan pahlawan Melayu mempersembahkan silat bunga untuk mengucapkan selamat datang.

Ketika memasuki Pintu Gadang Istana Budaya, upacara 'Membasuh Tapak' diadakan secara simbolik apabila Perdana Menteri mencecah lantai di hadapan pintu itu dan selepas itu diadakan acara 'Menjamah Sirih'.

Selepas persembahan tarian selamat datang, gong agung dipalu dan Perdana Menteri memasuki Panggung Sari dan upacara 'Membasuh Tangan' diadakan di pintu masuk Panggung Sari.

Dengan Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah bertindak sebagai pengacara majlis, upacara perasmian tersempurna apabila Perdana Menteri menandatangani plak Istana Budaya.

Perasmian Istana Budaya ditandai dengan pementasan teater muzikal "Keris Sang Puteri" yang skripnya ditulis Pengarah Panggung Negara, Supiat Mukri dan diarahkan aktivis teater dan filem Datuk Rahim Razali.

Istana Budaya yang mula dibina pada Julai 1995 dengan kos RM210 juta meliputi kawasan seluas 5.44 hektar serta keluasan binaan lantainya seluas 21,000 meter persegi.

Reka bentuk bangunan dicipta arkitek tempatan, Muhammad Kamar Yaakub. Tapak Istana Budaya berlandaskan wau bulan, bentuk bangunan berteraskan gubahan sirih junjung manakala pelan bangunan berkonsepkan rumah Melayu.

Kemasan dalaman menggunakan bahan tempatan seperti jubin marmar dari Langkawi serta kayu tropika bermutu tinggi, pintu utama diukir dengan tangan bermotifkan flora dan dedaun.

Permaidana tebal bermotifkan dedaun pohon beringin menghiasi lobi teater sementara beberapa lukisan Seniman Negara, Datuk Syed Ahmad Jamal mewarnai dinding.

Ia adalah sebuah panggung pertama di Asia yang mempunyai mekanisme pentas yang termoden di dunia. Kedudukannya terletak dalam senarai 10 panggung termoden dan canggih di dunia.

Ia dilengkapi dengan segala peralatan dengan menggunakan teknologi canggih, reka bentuk menarik berasaskan seni Melayu dan ia menjunjung satu tanggungjawab besar mengangkat martabat seni ke tahap cemerlang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, berkata pembinaan bangunan berseni diharap menjadi satu wahana manifestasi kesenian bangsa dan ketinggian martabat seni negara ini.

Katanya, hanya bangsa besar saja berfikir untuk mengangkat hasil dan martabat seninya ke tahap tertinggi.

Istana Budaya seperti projek mega lain bukan untuk kegunaan lima atau enam tahun tetapi mungkin puluhan atau ratusan tahun dengan program

kesenian yang terancang.

(END)